

# Laksana pembangunan seimbang: Dr Mahathir

BH 29/7/03

PUTRAJAYA Datuk Seri Mahathir Mohamad, berkata rakyat Malaysia perlu mengimbangi keperluan pembangunan negara dengan kepentingan memelihara alam sekitar, yang menjadi harta peninggalan kepada generasi akan datang.

Perdana Menteri berkata, adalah penting untuk tidak melupai bahawa negara ini memiliki kurniaan alam yang mungkin tidak dinikmati negara lain, termasuk kira-kira 50 peratus tanah di Malaysia yang masih diliputi hutan dan bukit-bukau.

"Kita boleh mempunyai pencinta alam yang bersikap fanatik tetapi jangan terlalu tamai yang bersikap sedemikian kerana kita perlu seimbangkan dengan keperluan pembangunan negara.

"Perlu ingat, dalam kita memelihara alam, kadang-kadang kita terpaksa menanggung risikonya seperti sekarang, bila kita tidak dapat lagi menembak harimau, takkan kita nak beritahu orang kampung yang dibaham binatang itu.

"Anda patut berasa bangga kerana anda berjaya melindungi alam (binatang). Kita perlu juga menjaga keselamatan mereka dan kerana itu, lebih baik seimbangkan kepentingannya," katanya pada majlis pelancaran Dana Millenium Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) di

Hotel Marriot di sini, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, biarpun ada pihak tidak bertanggungjawab yang sesuka hati menebang pokok di hutan tanpa memikirkan alam sekitar, namun Malaysia masih berjaya mengekalkan kehijauannya.

Beliau berkata, negara besar seperti Amerika Syarikat yang dulunya tidak memikirkan hal pemeliharaan alam, sanggup menebang semua pokok dan menghalau kaum pribumi iaitu Red Indian, hanya semata-mata untuk membina kota mereka.

"Oleh itu, ada masanya, perasaan sedih menyelubungi saya apabila melihat pokok-pokok yang berusia 100 atau 200 tahun ditebang tetapi kita terpaksa (lakukan) kerana ia adalah sumber negara.

"Ada masanya juga, sesuatu yang cantik itu perlu dinikmati semua. Jadi, kita patut dapat menikmati keindahan bukit-bukau, hutan, dan binatang kita kerana manusia tidak akan menghargai semua ini sehingga mereka tidak dapat menikmatinya lagi," katanya.

Perdana Menteri turut meminta orang ramai supaya menganggotai MNS agar dapat menyokong dan menyebarkan perasaan cintakan alam sekitar kepada semua peringkat masyarakat.